

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10351

SOALAN:

PR-1353-L03959

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada pegawai khas Menteri yang bernama Abdul Halim bin Suleiman diberikan konsesi urusan imigresen melalui syarikat beliau Bukit Megah Sdn. Bhd. Adakah ini mempunyai konflik kepentingan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Bukti Megah Sdn. Bhd. adalah salah sebuah syarikat yang dilantik bagi membantu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menguruskan Program Penghantaran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Secara Sukarela (Program 3+1) dan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program *Rehiring*).

Syarikat-syarikat yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk membimbing, menasihati dan memastikan majikan dan PATI melalui proses dan prosedur yang ditetapkan Kerajaan. Pelaksanaan program secara keseluruhan diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri dan JIM yang juga berperanan sebagai pembuat keputusan terhadap setiap permohonan.